



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**17 MEI 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- PBT perlu pandang serius aduan rakyat 14

**Utusan Malaysia**

- Sampai bila mahu tunggu 12
- Permohonan maju kawasan baharu ditolak 34



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 MEI 2017 (RABU)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PBT perlu pandang serius aduan rakyat
Muka Surat	14

# PBT perlu pandang serius aduan rakyat

BH ms 14 17/5/2017

➔ Cari jalan selesaikan segera masalah penduduk: Noh

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

**M**enteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, mengingatkan pi-

hak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara supaya tidak mengambil mudah aduan penduduk berhubung masalah di kawasan mereka.

Katanya, semua aduan penduduk mesti dipandang serius, seterusnya mencari jalan untuk menyelesaikan masalah itu.

"Saya harap segala aduan daripada rakyat dalam semua aspek seperti masalah sampah dan lalu lintas perlu diambil perhatian oleh PBT.  
"Kita kena ambil tindakan untuk mengatasi masalah rakyat," katanya ketika ditemui pada sidang media selepas majlis perhimpunan bulanan Kementerian itu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohammad Mentek.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Halaman Kota semalam, berhubung ke-

kecewaan penduduk Taman Melawati, Hulu Klang, Selangor yang mendakwa aduan mereka mengenai masalah kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan itu yang berlarutan sejak setahun lalu seolah tidak diendahkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Ja kerana, wakil PBT itu dikatakan gagal untuk hadir pada sesi dialog bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) yang diadakan di pejabat JKR Gombak, Selangor, bagi menyelesaikan beberapa masalah penduduk di kawasan perumahan itu.

#### Amat dikesali

Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati, Razman Hakim Abdullah, berkata kegagalan MPAJ untuk hadir pada

perjumpaan itu amat dikesali kerana melalui dialog itu diharapkan ada penyelesaian terhadap masalah dihadapi penduduk.

"Aduan sudah berkali-kali dihantar kepada MPAJ untuk tindakan susulan namun sehingga kini, mereka tidak memberi sebarang maklum balas.

"Apabila ada usaha daripada penduduk untuk mengadakan sesi dialog, masih juga tidak mahu turun padang dan berbincang," katanya.

Halaman Kota baru-baru ini menyiarkan rungutan penduduk berhubung masalah kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan berkenaan berikutan pembangunan di sekitarnya yang turut menyebabkan berlaku perubahan pada aliran trafik.



Noh menyaksikan pertukaran perjanjian persefahaman di antara Mohammad (dua dari kanan) dan Shamsun Baharin di Putrajaya, semalam.



Keratan akhbar BH keluaran 16 Mei lalu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 MEI 2017 (RABU)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Sampai bila mahu tunggu
Muka Surat	12

**REAKSI**

**BANTU KAMI**



PENDUDUK merayu Menteri Besar, Azmin Ali dapat turun padang dan mendengar permasalahan di kawasan perumahan ini.

**SYED ZULKIFLI SYED MASIR**  
Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Kelab Ukay (Tekura)



"SAYA hairan kerana di sebalik isu pemilikan kediaman ini pemaju difahamkan terus giat membina kawasan perumahan baharu. Apakah mereka kebal atau dilindungi sesetengah pihak?"

**MAZLAN MOHAMED DIN**  
Penduduk



"ENTAH sampai bila lagi kami perlu menunggu untuk mendapatkan title ini. Tanpa pemilikan, nak jual semula rumah sangat susah dan nilainya sangat rendah."

**ROSLY SHAMSUDIN**  
Penduduk



SEBAHAGIAN penduduk Taman Kelab Ukay, Hulu Kelang, Selangor berkumpul bagi merayu Azmin Ali membantu menyelesaikan masalah berkaitan hak milik kediaman mereka.

**LEMBAH KLANG**  
**NEGERI SEMBILAN**  
**MELAKA**



**KAMI PANTAU**  
**KHIDMAT ANDA**

**PERUMAHAN**  
Taman Kelab Ukay, Hulu Kelang, dibina kira-kira 33 tahun lalu, namun penduduknya masih tidak mempunyai hak milik kediaman. -UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

**info**

**TAMAN KELAB UKAY, HULU KELANG, AMPANG**

- > Berdekatan Bukit Antarabangsa
- > 447 kediaman jenis teres, banglo, semi-D, pangsupuri
- > Keluasan 29.9 hektar
- > Mula diduduki 1986
- > 33 tahun tanpa hak milik kediaman
- > Pemaju Petaling Tin Berhad

● Mahu MB Selangor campur tangan ● Desak pemaju serah hak milik kediaman

# Sampai bila mahu tunggu?

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN  
kota@utusangroup.com.my

## ■ AMPANG JAYA 16 MEI

**S**ENGSARA yang berpanjangan masih dipikul kira-kira 447 pembeli kediaman di Taman Kelab Ukay, Hulu Kelang di sini.

Jika sebelum ini mereka terpaksa menanti selama sembilan tahun ekoran projek perumahan yang dibeli pada tahun 1986 itu terbengkalai, kini terpaksa pula berjuang untuk mendapatkan hak milik kediaman.

Pembeli mendakwa, jika dihitungkan sudah 33 tahun mereka mendiami kediaman tersebut namun sehingga kini hak milik kediaman tidak diberikan pemaju.

*Utusan Malaysia* difahamkan, masalah itu timbul berikutan pemaju gagal melunaskan bayaran premium sebanyak RM11.5 juta kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Kelab Ukay (Tekura), Syed Zulkifli Syed Masir berkata, kegagalan untuk mendapatkan hak mi-



**TASIK** berhampiran rumah kelab didakwa terbiar sejak lapan tahun lalu tanpa penyelenggaraan pihak bertanggungjawab.

lik kediaman itu bakal menimbulkan pelbagai masalah pada masa depan kepada mereka.

Menurutnya, ini terutamanya melibatkan soal urusan jual beli rumah, pemindahan milik dan wakaf.

"Penduduk difahamkan kegagalan pemaju mengemukakan permohonan untuk pecah sempadan merupakan faktor utama agensi kerajaan itu tidak boleh

mendaftar hak milik kediaman individu kepada penduduk.

"Penduduk berusaha pelbagai cara untuk meminta pihak bertanggungjawab menyelesaikan masalah ini. Namun sehingga kini tiada sebarang penyelesaian. Kami terpaksa menanti dan terus menanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* dalam sidang akhbar mengenai isu tersebut di sini.

Sementara itu tinjauan *Utusan*

*Malaysia* ke lokasi perumahan yang terdiri daripada kediaman banglo, pangsapuri, teres dan semi-D itu mendapati pelbagai kemudahan turut disediakan termasuk rumah kelab.

Namun apa yang difahamkan, penduduk tidak dibenarkan menggunakan kemudahan itu walaupun terdapat dalam perjanjian jual beli.

"Penduduk banyak kali adakan pertemuan dengan pemaju, namun hanya sia-sia kerana pemaju banyak menabur janji kosong malah melepaskan tangan untuk menyelesaikan perkara ini," kata mereka.

Sehubungan itu, mereka mendesak Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali campur tangan dalam isu tersebut dengan tujuan mempercepatkan proses untuk mendapatkan hak milik itu.

"Inilah jalan terakhir kami memandang pelbagai usaha yang dilakukan menemui kebuntuan. Kami tiada pilihan lagi melainkan memerlukan bantuan Azmin Ali kerana dia juga merupakan ADUN Bukit Antarabangsa," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 MEI 2017 (RABU)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Permohonan maju kawasan baharu ditolak
Muka Surat	34

## Permohonan maju kawasan baharu ditolak

um 17/5/2017  
m/s 34

**KUALA LUMPUR 16 Mei** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menolak sebarang permohonan pemaju iaitu Petaling Tin Berhad untuk membangunkan kawasan perumahan baharu di Taman Kelab Ukay, Ampang.

Yang Dipertua MPAJ, Abd. Hamid Hussain berkata, tindakan itu diambil berikutan pemaju gagal memberi hak milik kediaman ke atas 447 pemilik perumahan berdasarkan pembangunan lama di kawasan tersebut.

"Ada sebahagian lagi tanah pemaju yang sama di kawasan tersebut dan mereka pernah memohon kepada MPAJ untuk membangunkan kawasan itu tetapi ditolak," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas mengenai isu pemaju tidak menjelaskan bayaran premium sebanyak RM11.5 juta kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor sehingga menyebabkan penduduk

### MAKLUM BALAS



**ABD. HAMID HUSSAIN**

gagal mendapatkan hak milik kediaman meskipun 33 tahun menanti.

Mengulas lanjut Abd. Hamid berkata, MPAJ bertindak melakukan pecah sempadan dan tugas ukuran pelan seperti dikemukakan pemaju.

"MPAJ juga menerima desakan penduduk dalam beberapa siri pertemuan sebelum ini dengan meminta supaya memberi tekanan kepada pemaju bagi merungkai permasalahan berkenaan.

"Buat masa ini tidak ada sebarang pertemuan diadakan bersama pemaju, namun keputusan mengenainya telah dibuat.

"Urusan bayaran premium itu adalah urusan pemaju dengan pejabat tanah dan galian," katanya.